

D.R. 56/2024

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan (Pindaan) 2024.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad Labuan 2010 [*Akta 707*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2, dalam takrif “pemastautin”, dengan menggantikan perkataan “menurut seksyen 43 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*]” dengan perkataan “menurut perenggan 214(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*] dan perenggan 225(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 [*Akta 759*]”.

Pindaan seksyen 9

3. Subseksyen 9(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “di pejabat daftarnya yang terdahulu” perkataan “atau disampaikan melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian terhad Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 22

4. Seksyen 22 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud Akta ini, apa-apa proses, dokumen atau notis yang disampaikan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada sesuatu perkongsian terhad Labuan jika proses, dokumen atau notis itu—

- (a) ditinggalkan pada, atau dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar kepada alamat terakhir pejabat berdaftar perkongsian terhad Labuan itu yang diketahui; atau
- (b) dihantar melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian terhad Labuan itu.”.

Seksyen baharu 33A

5. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 33 seksyen yang berikut:

“Penyampaian proses, dokumen atau notis kepada perkongsian liabiliti terhad Labuan

33A. Apa-apa proses, dokumen atau notis yang disampaikan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada sesuatu perkongsian liabiliti terhad Labuan jika proses, dokumen atau notis itu—

- (a) ditinggalkan pada, atau dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar kepada alamat terakhir pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad Labuan itu yang diketahui; atau
- (b) dihantar melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.”.

Pindaan seksyen 52

6. Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen 52(1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Apa-apa proses, dokumen atau notis yang disampaikan di bawah Akta ini hendaklah disifatkan telah disampaikan ke atas sesuatu perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf jika proses, dokumen atau notis itu—

- (a) ditinggalkan pada, atau dihantar melalui pos biasa atau pos berdaftar kepada alamat terakhir pejabat berdaftar perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu yang diketahui; atau
- (b) dihantar melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu.”.

Pindaan seksyen 63

7. Subseksyen 63(4) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pejabat berdaftaranya yang terdahulu” perkataan “atau disampaikan melalui cara elektronik kepada alamat atau nombor yang diberikan oleh perkongsian liabiliti terhad Labuan itu.”.

Bahagian baharu IVA

8. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 69 bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN IVA

PEMUNYAAN BENEFISIAL

Pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

69A. Dalam Akta ini, “pemunya benefisial” ertinya orang sebenar yang memiliki atau mengawal sesuatu perkongsian

terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf, secara keseluruhan atau sebahagian, melalui pemilikan atau kawalan langsung atau tidak langsung atas sumbangan modal atau hak mengundi atau kepentingan pemilikan lain dalam suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu, atau yang menjalankan kawalan dan pengaruh yang berkesan dalam suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

Daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf

69B. (1) Tiap-tiap perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah menyimpan suatu daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu dan merekodkan dalam daftar itu—

- (a) nama penuh, alamat, kewarganegaraan, pengenalan dan tempat kediaman biasa orang yang merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu;
- (b) tarikh orang itu menjadi seorang pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu;
- (c) tarikh orang itu terhenti daripada menjadi pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu; dan
- (d) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah disimpan di pejabat berdaftar perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(3) Perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah memfailkan dengan Lembaga suatu notis tentang apa-apa perubahan kepada butir-butir dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(4) Apa-apa notis yang dikehendaki di bawah subseksyen (3) hendaklah difailkan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh perubahan itu direkodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(5) Syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu hendaklah memegang simpan maklumat orang sebenar yang telah direkodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu sebagai pemunya benefisial tetapi kemudiannya terhenti menjadi pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu selama enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(6) Suatu catatan yang berhubungan dengan orang sebenar yang terhenti menjadi pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf di bawah subseksyen (5) hendaklah dikeluarkan daripada daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu selepas tamat tempoh enam tahun dari tarikh orang sebenar itu terhenti menjadi seorang pemunya benefisial.

(7) Jika suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf mengemukakan maklumat palsu atau mengelirukan atau tidak tepat kepada Lembaga di bawah seksyen ini, perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf, perkongsian atau syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(8) Lembaga hendaklah menentukan bentuk, cara dan takat maklumat yang perlu disimpan di bawah subseksyen (1) dan difailkan di bawah subseksyen (3).

(9) Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis, mengarahkan suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf untuk memberikan kepada Lembaga dalam suatu tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis, maklumat berhubung dengan pemunya benefisial yang disimpan oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

(10) Daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bagi apa-apa perkara yang dimasukkan dalam daftar di bawah Akta ini.

(11) Lembaga boleh, berhubung dengan akses kepada daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf yang disimpan di pejabat berdaftar suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu atau maklumat pemunyaan benefisial yang diserahkan simpan dengan Lembaga, menentukan —

- (a) mana-mana orang yang boleh mengakses daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf atau maklumat pemunyaan benefisial;

(b) cara dan terma dan syarat bagi mengakses daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf atau maklumat pemunyaan benefisial; dan

(c) fi bagi pembekalan maklumat pemunyaan benefisial.

(12) Seksyen 83 Akta tidak terpakai jika penzahiran atau akses telah ditentukan oleh Lembaga di bawah subseksyen (11).

(13) Jika terdapat keingkaran dalam mematuhi subseksyen (1), (2), (3), (4), (5), (6) atau (9), suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf, pekongsi atau syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf yang ingkar melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini dan boleh dikenakan suatu penalti pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

Kuasa perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf untuk menghendaki penzahiran maklumat pemunyaan benefisial

69c. (1) Suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana pekongsi bagi suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

(a) untuk memaklumkan perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf sama ada pekongsi itu merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu atau jika pekongsi itu bukan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan

atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu, setakat yang mungkin untuk berbuat demikian, untuk menunjukkan orang itu dengan nama dan dengan butir-butir lain yang mencukupi untuk membolehkan orang itu dikenal pasti sebagai pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu; dan

- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 69B(1).

(2) Jika suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang merupakan pemunya benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf, perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia merupakan pemunya benefisial bagi suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf atau jika dia bukan pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu, untuk menyatakan sama ada dia mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain merupakan pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir mengenai orang itu yang dalam pengetahuannya; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 69B(1).

(3) Jika sesuatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana pekongsi atau orang mengetahui identiti orang yang merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf, perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu hendaklah, melalui notis secara bertulis, menghendaki pekongsi atau orang itu dalam apa-apa masa yang munasabah dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu—

- (a) untuk menyatakan sama ada dia mengetahui, atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana orang lain itu merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu dan untuk memberikan apa-apa butir-butir orang lain itu yang dalam pengetahuannya; dan
- (b) untuk memberikan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 69B(1).

(4) Apabila suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf menerima maklumat daripada orang yang kepadanya notis itu diberikan di bawah subseksyen (1), (2) atau (3), perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu hendaklah, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh maklumat itu diterima, merekodkan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu—

- (a) tarikh notis yang menghendaki maklumat itu telah dikeluarkan; dan
- (b) butir-butir maklumat yang diterima daripada orang itu.

(5) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu perubahan telah berlaku terhadap butir-butir pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu, perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu—

(a) untuk mengesahkan sama ada atau tidak perubahan itu telah berlaku; dan

(b) jika perubahan itu telah berlaku—

(i) untuk menyatakan tarikh perubahan itu; dan

(ii) untuk memberikan butir-butir mengenai perubahan itu.

(6) Jika suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa butir-butir pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf yang dinyatakan dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf mungkin tidak betul, perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah memberikan notis kepada pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu untuk mengesahkan sama ada butir-butir itu adalah betul, dan jika tidak, untuk memberikan butir-butir yang betul.

(7) Syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah memastikan bahawa perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(8) Jika suatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf tidak mematuhi seksyen ini, perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf, perkongsi atau syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf bolehlah dikenakan suatu penalti pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

Kewajipan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf untuk memberikan maklumat

69D. (1) Seseorang yang mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa dia merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah dalam masa tiga puluh hari—

- (a) memberitahu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu bahawa dia merupakan pemunya benefisial bagi perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu; dan
- (b) memberikan maklumat sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang merupakan pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah, dalam masa tiga puluh hari, memberitahu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian

liabiliti terhad yang diiktiraf itu mengenai apa-apa perubahan butir-butirnya dalam daftar pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu.

(3) Seseorang yang terhenti menjadi pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu hendaklah memberitahu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu, secepat yang dapat dilaksanakan, mengenai perubahan itu dengan menyatakan—

(a) tarikh pemberhentian itu berlaku; dan

(b) butir-butir pemberhentian itu.

(4) Jika berlaku keingkaran pada mematuhi seksyen ini, orang yang ingkar itu melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.

Obligasi perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf untuk menyenggara dan menyimpan maklumat yang kemas kini

69E. (1) Sesuatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf hendaklah menyenggara dan menyimpan butir-butir pemunyaan benefisial dalam daftar pemunya benefisial di bawah seksyen 69B yang dikemas kini dari semasa ke semasa.

(2) Syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf hendaklah memastikan perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu mematuhi obligasi di bawah seksyen ini.

(3) Jika sesuatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf tidak mematuhi seksyen ini, perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan, perkongsian liabiliti

terhad yang diiktiraf, pekongsi atau syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf bolehlah dikenakan suatu penalti pentadbiran sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

Kuasa Lembaga untuk menjalankan pemeriksaan terhadap daftar pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf

69F. Lembaga boleh menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28c Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 terhadap daftar pemunya benefisial yang disimpan oleh perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf di bawah Bahagian ini.”.

Pindaan seksyen 77

10. Seksyen 77 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “lima ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”.

Pindaan seksyen 78

11. Subseksyen 78(3) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan perkataan “lima puluh ribu ringgit”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Perkongsian Terhadap dan Perkongsian Liabiliti Terhadap Labuan 2010 (“Akta 707”). Tujuan utama pindaan ini adalah untuk memasukkan peruntukan baharu ke dalam Akta 707 yang berhubungan dengan rangka kerja pelaporan dan penzahiran maklumat pemunyaan benefisial.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas bagi Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda takrif pemastautin.
4. *Fasal 3, 4, 5, 6 dan 7* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penyampaian proses, notis atau dokumen sama ada secara pos atau melalui cara elektronik.
5. *Fasal 8* bertujuan untuk memasukkan Bahagian baharu IVA ke dalam Akta 707.

Bahagian IVA yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pemunyaan benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf.

Seksyen 69A yang dicadangkan bertujuan untuk menetapkan kriteria asas untuk mengenal pasti pemunya benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf.

Seksyen 69B yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan obligasi untuk menyimpan suatu daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf dan memfailkan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan dengan Lembaga. Lembaga boleh mengarahkan perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf untuk memberikan maklumat berhubung dengan pemunyaan benefisial yang disimpan oleh perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf. Hanya orang yang ditentukan oleh Lembaga boleh mengakses daftar pemunya benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf dan maklumat pemunyaan benefisial yang berkaitan.

Seksyen 69C yang dicadangkan bertujuan untuk memberi suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf kuasa untuk menghendaki penzahiran pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf. Pindaan yang dicadangkan ini membolehkan perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu untuk mendapatkan maklumat pemunya benefisialnya atau mengesahkan ketepatan maklumat itu daripada mana-mana orang yang suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu mengetahui atau mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai yang orang itu merupakan pemunya benefisial suatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu.

Seksyen 69D yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan kewajipan pemunya benefisial sesuatu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf. Dengan pindaan ini, pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf itu mempunyai kewajipan untuk memberitahu perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhad yang diiktiraf apabila dia menjadi pemunya benefisial perkongsian terhad Labuan, perkongsian liabiliti

terhad Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf dan hendaklah memberitahu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf jika terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat pemunyaan benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf.

Seksyen 69E yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa sesuatu perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah menyenggara dan mengemas kini dari semasa ke semasa daftar pemunya benefisial. Seksyen baharu 69E ini juga bertujuan untuk memperuntukkan bahawa syarikat amanah Labuan yang dilantik oleh perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf hendaklah memastikan perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf mematuhi seksyen yang dicadangkan ini.

Seksyen 69F yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Lembaga kuasa bagi menjalankan pemeriksaan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 28c Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 [*Akta 545*] terhadap daftar pemunya benefisial perkongsian terhadap Labuan, perkongsian liabiliti terhadap Labuan atau perkongsian liabiliti terhadap yang diiktiraf itu.

6. *Fasal 10 dan 11* bertujuan untuk meminda seksyen 77 dan 78 Akta 707 untuk menaikkan jumlah maksimum penalti am dan penalti pentadbiran daripada lima dan sepuluh ribu ringgit masing-masing kepada lima puluh ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3383]